

Arroyo hargai peranan kita — Najib

JM 30 JUN 2001

MANILA 29 Jun • Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo berkata, beliau senang hati dengan peranan yang dimainkan Malaysia khususnya dalam usaha menjaga dan menjamin keselamatan sekitar rantau ini.

Arroyo berkata demikian dalam pertemuannya dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak di Istana Malacanang di sini, hari ini.

Najib berkata, selepas pertemuan itu, Arroyo turut melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan Malaysia, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana telah banyak menyumbang ke arah proses itu.

Beliau berkata, Presiden Filipina itu yakin bahawa Malaysia akan terus menjadi rakan ASEAN dan negara jiran yang sama-sama boleh berkerjasama dengan baik untuk tentukan kesejahteraan dan keselamatan rantau ini.

Menurut Najib, beliau mengambil kesempatan untuk menegaskan pendirian Malaysia yang tidak sekali-kali menyokong sebarang pemberontakan di Filipina meskipun ia dilakukan oleh orang beragama Islam.

Najib berkata, Malaysia sebaliknya mengambil pendirian untuk membantu dengan cara yang lebih "membina" sebagaimana yang pernah dilakukan sebelum ini dengan memainkan peranan sehingga membawa kepada perjanjian damai antara MILF dengan kerajaan Filipina.

Beliau berkata, kumpulan pemisah Abu Sayyaf seharusnya tidak menggunakan kuasa ketenteraan, tapi lebih kepada usaha memeterai satu perjanjian untuk melahirkan suasana damai di kawasan selatan Filoina.

"Ia sekali gus dapat menjamin bahawa

rakyat Filipina beragama Islam mempunyai masa depan yang lebih baik dari segi ekonomi dan pembangunan," katanya.

"Kita juga berpendapat bahawa tindakan berbentuk keganasan yang diambil oleh kumpulan Abu Sayyaf adalah tidak wajar kerana ia mencemar nama baik agama Islam sendiri. Islam ialah agama yang toleran yang menjamin hak serta kepentingan semua golongan di samping menolak kekerasan," katanya.

Demi menjaga imej Islam, kumpulan Abu Sayyaf itu seharusnya menjadi warganegara Filipina yang bertanggungjawab dan menghormati lunas undang-undang dan perlembagaan negara itu, katanya.

Najib berkata dalam pertemuan itu juga beliau turut memaklumkan kepada Arroyo bahawa beliau telah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Angelo Reyes dan sependapat bahawa amat penting untuk mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, ia penting untuk menjamin keselamatan dan kestabilan di rantau sini, khususnya di sekitar kawasan sempadan serta perairan Malaysia dan Filipina.

Menurut beliau, antara langkah yang dipersejuti adalah supaya pemimpin tentera peringkat operasi, contohnya panglima Divisyen 1 Malaysia yang menjaga kawasan perairan sempadan negara, seharusnya mengadakan hubungan lebih akrab dengan rakan sejawatannya di Filipina.

"Ini supaya kedua-dua pihak dapat bertukar maklumat dan risikan serta maklumat mengenai operasi kedua-dua pihak supaya aset kedua-dua negara dapat dimanfaatkan," katanya. Bernama